

15/04/2003

Malaysia harap Amerika tidak serang Syria

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Malaysia berharap Syria tidak akan diserang oleh Amerika Syarikat (AS) yang didakwa bersepakat dan menyembunyikan pemimpin kanan Iraq, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pemangku Perdana Menteri berkata, dari awal lagi Syria dikenal pasti sebagai negara yang tidak memiliki senjata pemusnah yang boleh mengancam dunia, tetapi AS mengemukakan alasan baru untuk menjadi masalah.

"Saya harap tak berlaku dan jika berlaku juga serangan, ia akan jadi satu malapetaka. Sebab itu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

berkata, kalau begini caranya tiada seorangpun bebas.

"...dan jika dikaitkan dengan masalah yang boleh dianggap menyalahi kepentingan Amerika, negara itu boleh dihukum dan diambil tindakan oleh Amerika," katanya ketika diminta mengulas mengenai laporan Syria mungkin menjadi sasaran serangan AS selepas ia berjaya menumbangkan Iraq.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pegawai-pegawai

Daerah dan pihak berkuasa tempatan 2003, di sini semalam, Abdullah menegaskan, setiap negara perlu menghormati kedaulatan dan kemerdekaan negara lain serta hak rakyatnya untuk menentukan kerajaan.

Ditanya mengenai Syria, yang sebelum ini tidak termasuk dalam senarai AS sebagai negara `paksi kejahatan', Abdullah berkata, semua ini ditentukan AS sendiri.

"Amerika kata tak elok, tak eloklah, kata serang seranglah. Dia yang berkuasa tak ada siapa boleh larang lagi," katanya.

Beliau berkata, Malaysia masih berpegang teguh dan menghormati kedaulatan sesuatu negara di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kawasan pemerintahannya, kebebasan rakyat dan hak rakyat terhadap negaranya.

Kepada soalan lain, Abdullah berkata semua rakyat Malaysia yang cedera di Iraq akan dibawa ke Jordan supaya mereka boleh mendapat rawatan lebih baik memandangkan kemudahan perubatan tidak mencukupi di Iraq.

"Tapi keadaan amat susah (untuk membawa pulang rakyat Malaysia itu), tetapi jika kita dapat mengenal pasti dan tahu di mana mereka, kita akan bawa mereka ke Jordan dan itu satu langkah yang baik," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan akan menggunakan kemudahan kedutaan Malaysia

di Jordan untuk membawa mereka pulang di samping mendapatkan kerjasama mana-mana pihak yang boleh membantu.

Kerajaan melalui kedutaannya akan meminta bantuan mana-mana pihak yang mampu untuk mengenal pasti rakyat Malaysia yang tercedera di Iraq dan memindahkan mereka ke Jordan.

"Kita mahu membawa mereka pulang sekurang-kurangnya di Jordan di mana mereka boleh mendapat rawatan lebih baik kerana kemudahan ubat yang mencukupi tetapi nampaknya keadaan amat susah," katanya.

Beliau berkata, usaha membawa keluar rakyat Malaysia ke Jordan adalah satu langkah yang baik memandangkan keadaan di sana semakin teruk, malah

dua anggota Sukarelawan Persatuan Bantuan Perubatan (Mercy) dan wartawan Malaysia turut diserang.

Katanya, Mercy sedang berusaha membawa Dr Baba Dani yang cedera di punggung terkena tembakan dalam serangan itu, keluar dari Baghdad tetapi keadaan ketika ini amat sukar.

"Susah nak buat apa-apa waktu ini di Baghdad kerana banyak kekurangan. Jadi kita kena guna apa saja kemudahan yang ada di samping meminta kerjasama daripada mana-mana pihak yang boleh membantu," katanya.

Abdullah juga berkata, Malaysia tidak perlu menghantar pasukan baru ke Iraq untuk membantu kerana banyak masalah selain sukar hendak pergi ke sana.